

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

SOALAN

TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan bagaimana Kementerian meningkatkan *food safety* di Malaysia terutamanya *lab testing* di peringkat ladang, jeti nelayan dan pusat sembelih. Terangkan mekanisme dan kekerapan ujian lab dilakukan kepada hasil pertanian.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjamin keselamatan produk di ladang, aktiviti pemantauan di ladang adalah seperti berikut:

1. **Program Pensijilan *Malaysian Good Agriculture Practice (MyGap)* Dan *Malaysian Organic (MyOrganic)***

Program ini meliputi subsektor tanaman, ternakan dan perikanan akuakultur. Ladang-ladang yang telah dipersijilkan sentiasa dipantau bagi memastikan hasil keluaran adalah mematuhi piawaian myGAP dan myOrganic selaras dengan matlamat pengeluaran makanan yang selamat dimakan.

2. Program Pemantauan Ke Ladang-Ladang Yang Tidak Dipersijilkan

Pemantauan dilaksanakan ke atas produk-produk di ladang yang tidak dipersijilkan secara berkala meliputi analisis residu racun makhluk perosak, logam berat dan mikrobial. Sampel-sampel untuk tujuan analisis makmal akan diambil secara rawak oleh pegawai pengembangan di lapangan dan dihantar ke makmal Jabatan Pertanian untuk dianalisa. Bagi tahun 2020 sebanyak 688 sampel ladang yang tidak dipersijilkan telah dianalisa dan sebanyak 11.77% sampel melebihi kadar MRL yang ditetapkan.

Bagi menjamin keselamatan produk ikan dan hasilan ikan negara, mekanisme ujian yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. Program Survelan dan Pemantauan Kesihatan Ikan dan Awam

Pada tahun 2020, sebanyak 16,120 sampel ikan dan hasilan ikan telah diambil di bawah Program ini. Analisis parameter merangkumi penyakit ikan, sisa dadah veterinar, kontaminan kimia, mikrobiologi, logam berat, parasitologi, radioaktif, DNA Porcine, ethoxyquin, plankton berbahaya serta kualiti air ternakan akuakultur dilaksanakan secara berjadual setiap tahun.

2. Program Pengiktirafan Tempat Pendaratan Ikan Bagi Pengeksportan Ikan Ke Kesatuan Eropah

Memperkukuhkan kawalan rasmi di sepanjang rangkaian pengeluaran produk perikanan bagi subsektor perikanan tangkapan khususnya di tempat-tempat pendaratan ikan yang diiktiraf. Program ini memastikan tempat pendaratan ikan yang diiktiraf memenuhi piawaian kualiti dan keselamatan makanan di peringkat domestik dan antarabangsa.

3. **Pemeriksaan Kesegaran Ikan (Organoleptik)**

Pemeriksaan di jeti pendaratan ikan bagi memastikan ikan yang didaratkan dan yang akan dijual mematuhi piawaian kualiti yang telah ditetapkan oleh LKIM. Persampelan air dan ais dijalankan di jeti pendaratan ikan bagi memastikan air dan ais yang digunakan adalah selamat.

4. **Ujian Persampelan Kualiti Dan Keselamatan Makanan**

Sebanyak 48 buah kompleks pendaratan ikan terlibat dalam ujian persampelan kualiti dan keselamatan makanan selain tiga (3) buah jeti swasta terlibat dengan aktiviti eksport makanan. Pemeriksaan ini dilaksanakan sebanyak tiga (3) kali setiap tahun ke atas semua kompleks pendaratan ikan dan jeti swasta yang berkenaan.

Dalam memastikan keselamatan makanan berasaskan hasil ternakan, mekanisme ujian yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. **Program Survelan Penyakit Haiwan Kebangsaan**

Program pengesanan awal 26 jenis penyakit haiwan yang berkepentingan ekonomi seperti penyakit kuku dan mulut (FMD) dan penyakit zoonosis seperti rabies dan *brucellosis* supaya tindakan kawalan serta pembasmian penyakit dapat segera dilakukan.

2. **Pemeriksaan Kualiti Susu Segar Mentah Di Pusat Pembangunan Industri Tenusu (PPIT) Dan Makmal Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS)**

Proses kawal selia kuantiti dan kualiti susu segar mentah daripada penternak tenusu (setiap kali penerimaan) supaya menepati piawaian yang telah ditetapkan serta selaras dengan Akta Makanan 1983. Sampel susu segar mentah dihantar secara mingguan ke Makmal DVS seperti Institut Penyelidikan Veterinar (VRI), Makmal Kesihatan Awam

Veterinar (MKAV) dan Makmal Kualiti Susu Alor Gajah untuk proses ujian kimia dan mikrobiologi.

3. Program Pemeriksaan Veterinar

Program ini merangkumi pemeriksaan ante-mortem dan post-mortem di rumah sembelih dan di loji penyembelihan. Pemeriksaan ante-mortem adalah pemeriksaan yang dijalankan ke atas ternakan hidup sebelum melalui proses penyembelihan manakala pemeriksaan post-mortem adalah pemeriksaan ke atas ternakan yang telah disembelih.

4. Program Pemantauan Keselamatan Makanan Berasaskan Hasil Haiwan

Program ini bertujuan untuk memastikan hasil ternakan di Malaysia adalah bersih dan selamat untuk dimakan melalui pemeriksaan kehadiran mikroorganisma berbahaya serta residu drug veterinar, pestisid, hormon, aditif dan logam berat. Sampel seperti daging, organ, lemak, telur dan susu diambil satu (1) hingga tiga (3) kali setahun di setiap rumah sembelih dan loji penyembelihan bergantung kepada kapasiti operasi penyembelihan.

5. *Veterinary Health Mark (VHM)*

Merupakan skim pensijilan di bawah DVS yang dilaksanakan secara sukarela kecuali untuk pasaran eksport. Rumah sembelih dan loji pemprosesan produk berasaskan haiwan akan melalui proses pemeriksaan veterinar secara berkala oleh pegawai-pegawai pemeriksa veterinar yang terlatih. Skim pensijilan VHM bertujuan untuk memantapkan sistem pengesahan dan pengeluaran Sijil Kesihatan Veterinar bagi produk berasaskan haiwan untuk pasaran eksport.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

SOALAN

TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimana Kementerian meningkatkan *food safety* di Malaysia. Jelaskan mekanisme dan tindakan Kerajaan dari segi *lab testing* tentang kualiti dan keselamatan makanan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan mewujudkan perkhidmatan analisis makanan bagi menyokong keperluan keselamatan makanan negara bagi melindungi pengguna dan melancarkan perdagangan makanan. Ini kerana kawalan terhadap isu keselamatan makanan kini semakin mencabar disebabkan perkembangan teknologi pemprosesan makanan semasa, keadaan persekitaran pengeluaran makanan yang tercemar dan kes-kes penipuan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dalam menghasilkan produk makanan.

2. Di samping itu, Program Jaminan Keselamatan Makanan yang melibatkan industri makanan turut memerlukan perkhidmatan makmal bagi jaminan keselamatan dan kualiti produk yang dihasilkan untuk memastikan produk yang dihasilkan mampu berdaya saing di pasaran tempatan dan antarabangsa. Justeru, keputusan yang dikeluarkan oleh makmal melalui pensampelan dan penganalisan sampel makanan adalah sumber utama bagi penjana maklumat saintifik berkenaan keselamatan makanan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Pada masa ini, terdapat 15 buah Makmal Makanan Kementerian Kesihatan yang terdiri dari Makmal Keselamatan dan Kualiti Makanan dan Seksyen Makanan di Makmal Kesihatan Awam. Makmal-makmal ini berperanan menyokong aktiviti keselamatan makanan melalui perkhidmatan analisis mikrobiologi, kimia dan bioteknologi makanan berdasarkan keperluan Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturannya.

4. Bagi memelihara kredibiliti dan kebolehpercayaan keputusan analisis yang dikeluarkan, juru analisis makanan di makmal telah berdaftar di bawah Akta Juru Analisis Makanan 2011 [Akta 727] dan Peraturan-Peraturan Juru Analisis Makanan 2013 yang bertujuan untuk

mengawal amalan juru analisis makanan. Selain itu, makmal telah memperolehi akreditasi MS ISO/IEC 17025 – *Requirements for the Competence of Testing and Calibration Laboratories* di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM), Jabatan Standard Malaysia.

5. Selari dengan keperluan analisis makanan bagi menangani isu-isu keselamatan yang semakin mencabar, makmal juga dilengkapi dengan peralatan berteknologi tinggi bagi menjalankan analisis mengikut keperluan dan teknologi yang semakin berkembang dan menghadapi keselamatan makanan global.

6. Selain itu, Kementerian Kesihatan juga menggunakan perkhidmatan analisis makanan yang ditawarkan oleh makmal swasta bagi tujuan menyokong aktiviti keselamatan dan kualiti makanan. Bagi tujuan ini, Kementerian Kesihatan memberi pengiktirafan kepada makmal swasta yang telah memperolehi akreditasi MS ISO/IEC 17025 dan memenuhi keperluan yang ditetapkan. Pada masa ini, terdapat 43 makmal analisis makanan swasta yang telah mendapat pengiktirafan daripada Kementerian Kesihatan.

7. Oleh yang demikian, Kementerian Kesihatan sentiasa memastikan pembangunan kapasiti di makmal analisis makanan di negara ini selari dengan keperluan semasa bagi memastikan rakyat mendapat makanan yang selamat dan berkualiti bagi menyokong aktiviti keselamatan dan kualiti makanan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

SOALAN

TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha untuk menaik taraf klinik kesihatan Bukit Jambul di Flat Taman Bukit Jambul yang sangat sesak. Adakah Kementerian akan memberi peruntukan pembangunan untuk menaikkan keadaan infrastruktur di klinik tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian mengambil maklum akan kesesakan ruang di Klinik Kesihatan Bukit Jambul untuk menampung jumlah kedatangan pesakit seramai 260 orang sehari. Pada ketika ini, penduduk sekitar mendapatkan perkhidmatan kesihatan dari klinik kesihatan yang berdekatan iaitu Klinik Kesihatan Sungai Dua (1.7KM) dan Klinik Kesihatan Bayan Baru (3.7KM).
2. Kementerian sentiasa mengkaji keperluan klinik kesihatan baru tertakluk kepada ketersediaan tapak yang sesuai dan sumber manusia serta kemampuan kewangan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN (BAYAN BARU)

SOALAN

TUAN SIM TZE TZIN (BAYAN BARU) minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan status terkini permohonan pentadbiran berasingan Sekolah Menengah Heng Ee 2 di Parlimen Bayan Baru. Apakah proses yang perlu dilaksanakan untuk perkara ini diluluskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil maklum bahawa Mesyuarat Jemaah Menteri pada 22 Januari 2020 telah meluluskan permohonan pembukaan institusi baharu (PIB) bagi premis SMK Heng Ee, Bayan Baru, Pulau Pinang dengan pentadbiran tersendiri. Walau bagaimanapun, keputusan tersebut hanya dibuat di bawah agenda hal-hal lain di mana tiada memorandum yang memperincikan permohonan ini dibentangkan kepada Jemaah Menteri.

Setelah mengkaji perkara ini berpandukan perundangan dan dasar sedia ada serta mengambil kira implikasi terhadap KPM susulan kelulusan tersebut, KPM mendapati bahawa ianya memerlukan penelitian yang lebih mendalam dan menyeluruh sebelum sebarang cadangan dikemukakan untuk pertimbangan Jemaah Menteri.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]**

SOALAN

TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU [BATU GAJAH] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan hasrat Kementerian untuk membangun dan mempromosikan Pekan Papan, sebagai sebuah pekan tinggalan penjajah yang mempunyai nilai-nilai sejarah yang cukup menarik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam terus memajukan industri pelancongan di negeri Perak, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) telah memperuntukkan sebanyak lebih RM67juta sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) berlangsung bagi membiayai projek-projek baharu berkaitan kemudahan pelancongan dan kebudayaan di negeri Perak, termasuk di Parlimen Batu Gajah. Antara projek yang telah dilaksanakan adalah Pembangunan Rumah Lat dan Galeri di Batu Gajah, Menaiktaraf Produk Pelancongan Dataran Dato' Sagor, Ipoh, menaik taraf Galeri Pangkor dan Kemudahan Pelancongan di Dataran Nelayan Pulau Pangkor dan Pembangunan Ecotourism Lata Tebing Tinggi, Selama.

2. Selain itu, pada tahun 2021, sebanyak RM1.1juta telah diperuntukkan MOTAC bagi membiayai lima projek kemudahan pelancongan yang baharu di negeri Perak di bawah *Rolling Plan* Pertama, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP1, RMKe-12) Tahun 2021 iaitu Penyelenggaraan Kemudahan Pelancongan Termasuk Pemuliharaan dan Pemeliharaan Tapak/Bangunan Warisan untuk *Homestay* Bagan Datuk; *Homestay* Klah; *Homestay* Kampung Beng; *Homestay* Gopeng serta *Homestay* Selama.
3. MOTAC bersama-sama Kerajaan Negeri Perak dan Pihak Berkuasa Tempatan turut sentiasa bekerjasama rapat dalam mempertimbangkan sebarang cadangan bagi membangun dan menaiktaraf tempat pelancongan di seluruh negeri Perak, termasuklah Pekan Papan.
4. Sehubungan ini, MOTAC mengalu-alukan cadangan ini dan akan berbincang dengan pihak-pihak yang terlibat di Kerajaan Negeri untuk meneliti permohonan yang mematuhi kriteria permohonan projek seperti mana yang ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri bagi memastikan produk pelancongan negeri Perak termasuklah di Pekan Papan dapat memberi faedah kepada masyarakat tempatan dan ekonomi negara khususnya.
5. MOTAC melalui Pejabat Tourism Malaysia di Wilayah Utara akan menjalankan audit produk pelancongan bagi mengenalpasti peluang-peluang peningkatan promosi Pekan Papan, khususnya jika digabungkan dengan promosi bersepadu dengan produk-produk pelancongan berhampiran seperti Ipoh, Kellie's Castle dan lain-lain kawasan atau produk pelancongan persekitaran dengannya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]**

SOALAN

TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU [BATU GAJAH] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan secara terperinci mengenai pengembangan perniagaan secara atas talian sejak tahun 2020. Berapa jumlah barangan yang diimport dan dieksport melalui perniagaan atas talian serta mekanisme kawalan kastam terhadap kaedah perniagaan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod Jabatan Perangkaan Malaysia, pendapatan transaksi e-dagang melonjak hingga 30% iaitu bersamaan RM254.6 bilion pada suku pertama 2021. Bagi tahun 2020, pendapatan untuk e-dagang mencatat RM896.4 bilion, meningkat 32.7 peratus berbanding 2019. Sementara itu, untuk suku ketiga dan keempat 2020, pendapatan e-dagang masing-masing mencatatkan RM238.2 bilion dan RM245.4 bilion. Statistik ini menunjukkan prestasi kadar pertumbuhan e-dagang yang didorongi oleh kesan pandemik Covid-19 sejak Mac 2020.

Sekian, terima kasih.